



Pengerusi Eksekutif

Ruj kami : SKM.IP. (AM) 7964 SJ. 5 (42)

Tarikh : 30 April 2012

Surat ini dikelilingkan kepada –

Semua Koperasi

Tuan,

PELAKSANAAN TEMPOH TUJUH HARI KURSUS WAJIB ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.


2. Berlandaskan perkembangan masa kini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia memutuskan Kursus Wajib Anggota Lembaga Koperasi (ALK) hendaklah dilaksanakan selama **tujuh (7) hari** dengan objektif untuk –

- (a) menyediakan modal insan yang berkelayakan, berkebolehan dan berkompentensi dengan minda kelas pertama untuk memimpin koperasi selaras dengan matlamat ke arah Negara maju;
- (b) menerapkan budaya kreativiti, inovasi dan dinamik bertunjangkan fikiran yang kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab serta amanah;
- (c) membentuk ALK yang lebih responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada denyut nadi anggota;
- (d) mewujudkan nilai cipta (*value-creation*) dan nilai tambah (*value-added*) di dalam gerakan koperasi; dan
- (e) mentransformasikan minda ALK selari dengan hala tuju dasar Negara dan perubahan persekitaran.



Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 17
100 Putra Place
Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-4047 4026
Faks : 03-4047 4101

Laman Web : www.skm.gov.my
Talian Hotline : 03-4047 4000
Emel : yusofs@skm.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.: AR 5364

3. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, semua ALK hendaklah menghadiri dengan jayanya Kursus Wajib selama **tujuh (7) hari** yang mengandungi modul-modul berikut:

- (a) Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Kursus Wajib I);
- (b) Pengurusan Kewangan Koperasi (Kursus Wajib II); dan
- (c) Pengurusan Strategik (Kursus Wajib III).

melalui Maktab Koperasi Malaysia (MKM) atau Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

4. ALK yang gagal menghadiri Kursus Wajib dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah meletak jawatan atau gugur dalam mesyuarat agung tahunan akan datang dan mereka tidak layak untuk dilantik semula sebagai ALK sehingga telah menghadiri semua Kursus Wajib yang ditetapkan. ALK yang tidak mematuhi arahan ini boleh disabitkan di bawah perenggan 91(1)(b) Akta Koperasi 1993 di mana abai atau enggan melakukan sesuatu perbuatan seperti yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan boleh didenda di bawah subseksyen 91(2) Akta yang sama.


5. Bagi mereka yang telah hadir dengan jayanya Kursus Wajib sebelum ini, juga digalakkan untuk mengikuti Kursus Wajib II dan III.

6. Surat Pekeliling dikuatkuasakan pemakaiannya mulai pada **1 Jun 2012**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

- s.k
- (i) Timbalan Pengerusi Eksekutif
 - (ii) Ketua Sektor (Pembangunan)
 - (iii) Ketua Sektor (Operasi dan Kawal Selia)
 - (iv) Ketua Sektor (Pengurusan dan Kewangan)
 - (v) Pengarah SKM _____
 - (vi) Maktab Koperasi Malaysia (MKM)
 - (vii) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)